



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

### **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Isnin, 12 Jun 2023**

## Usaha Jamal Abdillah ternak lembu dipuji

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	18

# Usaha Jamal Abdillah ternak lembu dipuji

**PUTRAJAYA** — Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memuji usaha dilakukan penyanyi Datuk Jamal Abdillah yang menternak lembu secara komersial di Perak.

Menerusi hantaran dalam laman sosial rasminya, agensi itu turut memaparkan beberapa foto eksklusif suasana premis yang diusahakan Raja Pop itu di daerah Kerian.

"Inisiatif beliau demi menyahut seruan kerajaan memastikan keterjaminan makanan negara selain ditambah minat yang mendalam dalam bidang pertanian," katanya.

Semalam, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali meluangkan masa melawat ladang itu yang dibuka lebih sebulan lalu.

Mengulas lanjut, JPV berkata, Jamal atau nama sebenarnya Jamal Ubaidillah Mohd. Ali, 64, sebelum ini aktif dalam bisnes penternakan ikan arowana di Bukit Merah sejak 2009.

"Malah, beliau melahirkan impian tinggi untuk mengem-



Inisiatif beliau demi menyahut seruan kerajaan memastikan keterjaminan makanan negara selain ditambah minat yang mendalam dalam bidang pertanian."

bangkan lagi penternakan tersebut dengan berhasrat menternak kambing pula selepas ini," ujarnya.

Agensi berkenaan turut memberi kata-kata semangat serta berharap agar usaha murni dilakukan Jamal akan berjaya dan menjadi contoh kepada belia mencebur ternak.

Bagaimanapun, JPV tidak menyatakan secara terperinci bilangan haiwan yang diternaknya, namun tular satu video memaparkan beliau membawa masuk lembu dari Kelantan menggunakan treler 10 tan.



JAMAL (tengah) memberi taklimat mengenai ladang ternakan lembu yang diusahakannya di Kerian, Perak semalam. — IHSAN JPV

## Lembu Thailand, Myanmar tamping stok ibadah korban

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	5

# Lembu Thailand, Myanmar tamping stok ibadah korban

**KOTA BHARU** – Bekalan lembu yang diimport dari Thailand dan Myanmar akan menampung permintaan umat Islam di negara ini untuk melaksanakan ibadah korban sempena Aidiladha ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kaedah itu diambil kerajaan dalam usaha untuk memastikan haiwan ternakan itu sentiasa ada dalam pasaran negara.

"Kementerian juga sudah menjalankan tinjauan dan tiada rungutan diterima daripada orang ramai mengenai bekalan ternakan lembu ketika ini."

"Ternakan lembu dari Thailand dan Myanmar banyak dibawa masuk ketika ini. Kos mengimport lembu dari negara berkenaan menjadikan harga haiwan tersebut mengalami

sedikit peningkatan apabila ia melibatkan kos pengangkutan dan proses kuarantin.

"Bekalan lembu setakat ini masih cukup meskipun harganya tidak menentu. Kebiasaannya, harga lembu akan ditetapkan mengikut jumlah bekalan," katanya selepas melawat Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, di sini semalam.

Jelas beliau, selain bekalan lembu, kerajaan turut memberi jaminan bekalan bahan mentah lain mencukupi sepanjang Aidiladha nanti.

Sementara itu, Mohamad berkata, kerajaan akan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta untuk menyediakan bilik sejuk beku di RTC Tunjong dalam usaha mengukuhkan bekalan makanan negara.



MOHAMAD (tengah) meninjau jualan sayur-sayuran semasa melawat RTC Tunjong di Kota Bharu semalam.

## Bekalan lembu korban cukup untuk sambutan Aidiladha

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	4

# Bekalan lembu korban cukup untuk sambutan Aidiladha

**KOTA BHARU:** Bekalan lembu untuk sambutan Aidiladha ada tahun ini mencukupi untuk umat Islam di negara ini menjalankan ibadah korban.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, hasil tinjauan yang dilakukan pihaknya mendapati tidak timbul rungutan daripada orang ramai berkait dengan bekalan ternakan tersebut.

Menurutnya, pada masa sama harga lembu tidak terlalu tinggi sekali gus memberikan kelegaan kepada umat Islam untuk melaksanakan ibadah berkenaan.

“Saya boleh katakan setakat ini bekalan lembu cukup. Harga tidak menentu dan kebiasaannya mengikut jumlah bekalan,” katanya kepada pemberita.

## Label 'pork free' bukan jaminan produk halal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	4

# Label 'pork free' bukan jaminan produk halal

Bebas alkohol atau khinzir bukan bukti sesuatu produk selamat untuk dijamah orang Islam

SHAH ALAM

**PREMIUM**  
Sinar  
Eksklusif dan Kritis

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) meminta pelanggan agar lebih berwaspada dengan perniagaan atau restoran berlabel 'pork free' yang tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Halal Jakim, Mohd Fakarudin Mas'od berkata, bebas alkohol atau khinzir tidak membuktikan produk mereka selamat untuk dijamah orang Islam selagi tidak mempunyai logo halal daripada Jakim.

"Banyak restoran di pusat beli-belah menggunakan istilah 'pork free' apabila tidak mempunyai logo halal. Lebih membangkitkan, mereka akan me-

letakkan pekerja Muslim di depan kaunter bagi mengaburi mata orang ramai. Perkara ini akan mengelirukan pelanggan."

"Biarpun tidak menjual daging khinzir atau minuman keras, bahan mentah digunakan masih diragui terutamanya apabila mereka menggunakan bahan pengawet atau serbuk daripada daging tidak disembelih.

"Tanpa sijil atau pengiktirafan halal daripada Jakim, slaya yang boleh mengesahkan bahan-bahan yang digunakan menebat ciri halal yang boleh dimakan oleh semua? Oleh itu, pihak peniaga perlu bertanggungjawab apabila mereka mendakwa per-

niagaan mereka sebagai 'pork free,'" katanya kepada *Sinar Premium*.

Mohd Fakarudin juga menyeru para peniaga untuk memiliki sijil halal Jakim yang akan menjadi satu nilai tambah kepada produk mereka di samping perniagaan tidak perlu risau lagi akan kerugian pelanggan.

"Apabila mereka mempunyai cap halal, ia akan menjadi satu nilai tambah bahawa perniagaan mereka diiktiraf dan dakwaan bahawa produk yang dijual itu bersih dan halal adalah benar.

"Halal bukan sekadar satu sistem tetapi ia melibatkan keseluruhan proses daripada sekecil-kecil ramuan, cara penyediaan makanan, persekitaran dapur dan pekerja haruslah sentiasa bersih dan terjaga. Bagi



Label bebas khinzir bukan satu jaminan makanan di sebuah restoran selamat untuk dijamah oleh orang Islam. - Gambar hiasan

sesiapa yang menyalahgunakan sijil halal pula akan dikenakan denda RM500,000 sehingga RM1 juta serta pen-

jara.

"Selepas mendapat sijil halal, syarikat besar bakal melantik seorang eksekutif halal yang akan menjaga hal ehwal halal di restoran. Ini menunjukkan kesungguhan kami untuk menjaga kualiti halal biarpun sudah mendapat sijil," katanya baru-baru ini.

Mengulas lanjut mengenai lebih 20,000 produk milikan bukan bumiputera yang mempunyai status halal daripada



MOHD FAKARUDIN

Jakim berbanding produk bumiputera, Mohd Fakarudin berpendapat perkara tersebut perlu dilihat secara holistik.

"Mungkin perniagaan Muslim secara keseluruhannya lebih sedikit berbanding bukan Muslim dan kebanyakan perniagaan mereka lebih kepada servis yang tidak memerlukan pensijilan halal.

"Pensijilan halal berbalik kepada konsep. Ia tidak wajib dan lebih kepada sukarela.

"Namun sekiranya terdapat keperluan, mereka harus mengikut keperluan tersebut," katanya.

**-TERIMA KASIH-**

DISEDIAKAN OLEH :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**